

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menubuhkan kerangka perundangan atau pentadbiran bagi menangani isu kebanjiran pekerja warga asing yang masuk ke dalam negara.

JAWAPAN

Dewan Yang Mulia,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengadakan kerangka perundangan yang spesifik bagi menangani isu kebanjiran pekerja asing di Malaysia. Ini kerana Kerajaan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Pekerja Bukan Warganegara yang akan membincangkan secara spesifik dasar-dasar berhubung penggajian pekerja bukan warganegara, kawalan dan penguatkuasaan serta peningkatan kebolehpasaran (*employability*) guna tenaga tempatan.

2. Selain itu, Kerajaan juga sudahpun mempunyai Akta-akta sedia ada dalam menangani isu-isu kemasukan pekerja asing seperti Akta Imigresen 1959/63, Akta Kerja 1955 berhubung penggajian pekerja dan sebagainya. Seterusnya mekanisme permohonan dan kelulusan berdasarkan konsep *demand and supply* di bawah kawalan dan seliaan Jabatan Tenaga Kerja dan Kementerian Dalam Negeri adalah memadai bagi memastikan kemasukan pekerja asing adalah telus dan mengikut keperluan sebenar industri.

Sekian, terima kasih.